

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kerajaan mempunyai ruang untuk menambah lagi suntikan pakej rangsangan ekonomi kepada rakyat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi sehingga 28 April ini.

Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi & Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata kerajaan mempunyai pangkalan data yang lebih baik dan menyeluruh berbanding semasa PKP mula dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

"Oleh itu, secara keseluruhan impak negatif kepada ekonomi akan dapat ditangani dengan lebih baik."

"Dari segi perdagangan pula, kerajaan perlu meningkatkan lagi kerjasama dengan negara lain secara dua hala atau pelbagai hala untuk memastikan prosedur dan pembukaan kepada beberapa sektor ekonomi yang boleh dipersekutui bersama supaya aktiviti eksport dan import boleh diteruskan," katanya kepada BH.

Perkara itu turut dipersejuki Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, yang berkata kerajaan masih lagi ada ruang untuk perbelan-

'Kerajaan ada ruang tambah rangsangan ekonomi'

Impak negatif dapat ditangani lebih baik selepas PKP dilanjut



Irwan Shah Zainal Abidin



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid



Mohd Yusof Saari

jaan fiskal kerana bukan semua peruntukan RM250 bilion yang diumumkan sebelum ini adalah suntikan langsung kerajaan.

"Oleh itu masih lagi ada ruang untuk kerajaan meningkatkan perbelanjaan fiskal terutamanya dalam membantu PKS yang bakal terjejas teruk kerana tidak boleh lagi berniaga sehingga akhir April," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi, Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kerajaan perlu sentiasa mengawasi keadaan ekonomi dari bulan ke bulan melalui semua agensi, khususnya Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, sekiranya perlu, Belanjawan 2021 wajar dipertimbangkan untuk dibentang lebih awal bagi mengawal kedudukan ekonomi negara.

"Mungkin Belanjawan dia-

dakan seawal September seki-
ranya keadaan memerlukan.
Jenis bantuan juga boleh dipel-
bagaikan lagi seperti melanjut-
kan moratorium pinjaman dan
pembayaran," katanya.

Beliau berkata, adalah penting supaya kerajaan dapat mengawal inflasi dan mengelakkan deflasi semasa kemele-
setan.

"Deflasi sangat membahaya-
kan kedudukan negara semasa
kemelesetan kerana pengur-
angan permintaan walaupun
bekalan mencukupi dan tunai
yang banyak dalam sistem per-
bankan."

"Permintaan yang merosot
boleh mengheret kemelesetan
ekonomi yang lebih teruk," ka-
tanya.

Pensyarah Kanan Sekolah
Perniagaan dan Ekonomi Uni-
versiti Putra Malaysia (UPM),
Prof Madya Dr Mohd Yusof
Saari pula berkata, dua
perkara yang perlu menjadi keutamaan

kerajaan di dalam memulihkan
ekonomi pasca COVID-19 ada-
lah menumpukan usaha jang-
ka masa pendek yang bersifat
segera yang perlu dilakukan
bagi mengurangkan beban dan
tekanan isi rumah dan pernia-
gaan.

Penekanan, katanya, perlu
diberikan kepada sektor yang
terkesan teruk dan mengambil
masa untuk dipulihkan.

Masih lagi ada ruang untuk kerajaan meningkatkan perbelanjaan fiskal terutamanya dalam membantu PKS yang bakal terjejas teruk.

**Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan Perniagaan PBS**

